



Istilah Covid-19: Satu Analisis Teori Pembentukan Kata

Nur Aziatul Khazizi¹, Nora'Azian Nahar^{1*}

¹Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**E-mel pengarang koresponden: noraazian@iium.edu.my*

ABSTRAK

Pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia sangat komited dalam menguar-uarkan hal-hal berkaitan tentang pandemik kepada rakyat. Justeru itu, wujud istilah-istilah baharu Covid-19 yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberikan kesedaran tentang penjagaan kesihatan. Oleh hal yang demikian, makalah ini membincangkan proses pembentukan kata bagi istilah baharu yang terbentuk semasa musim Covid-19. Pengkaji ingin melihat penerapan Teori Pembentukan Kata gagasan George Yule (2010) dalam istilah bahasa Melayu. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan dan kepustakaan diaplikasikan dalam makalah ini bagi mengumpul dan menganalisis istilah baharu Covid-19 yang diambil daripada korpus istilah Dewan Bahasa dan Pustaka. Walau bagaimanapun, pengkaji membataskan data kajian kepada 50 istilah sahaja. Istilah-istilah ini hanya dipilih daripada dua bidang iaitu perubatan dan kesihatan awam. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan, hanya lima proses pembentukan kata dapat diterapkan dalam istilah Covid-19 iaitu akronim, derivasi, pemajmukan, pinjaman dan proses pelbagai. Proses pemajmukan merupakan proses yang paling dominan dalam pembentukan istilah Covid-19. Tuntasnya, kajian ini diharap dapat menambah kelompangan ilmu dalam bidang morfologi terutamanya aspek pembentukan kata dan peristilahan bahasa Melayu.

Kata kunci: istilah, Covid-19, pemajmukan, pembentukan kata

PENGENALAN

Merujuk buku Pedoman Umum Peristilahan Bahasa Melayu (2004), penyelidikan kata atau frasa yang memberikan makna khusus dalam satu-satu bidang ilmu ditakrifkan sebagai peristilahan. Istilah boleh terdiri daripada pelbagai bentuk. Antaranya, kata, rangkai kata, simbol grafik, singkatan inisial, akronim dan notasi yang mewakili satu atau lebih konsep dalam bidang tertentu (Felber, H., 1984). Dengan kata mudah, istilah merupakan bentuk kata yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih yang membawa satu makna spesifik. Walau bagaimanapun, istilah yang tercipta mestilah mendapat persetujuan oleh pihak yang berautoriti dan pakar dalam sesebuah bidang.

Kajian peristilahan Bahasa Melayu dilihat bercambah semenjak bermulanya era tahun 2000. Perubahan zaman yang pantas menyebabkan ahli akademik terdahulu mengambil inisiatif untuk mengkaji istilah-istilah baharu yang sering diguna pakai oleh masyarakat. Justeru itu, terdapat kajian-kajian lepas peristilahan dalam bidang undang-undang (Amirah Ahmad, Norizah Audi & Azhar Ab Wahab, 2017), saintifik (Zaliza Zubir & Mahfuzah Md Daud, (2014), kejuruteraan (Junaini Kasdan *et.al*, 2017), teknologi maklumat (Harishon Radzi & Nurul Husna Abdul Halim, 2018), bahasa Tamil (Margaret Sinnappan, 2014) dan juga istilah kesihatan (Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri, 2020). Walau bagaimanapun, konteks setiap kajian yang dikemukakan adalah berbeza mengikut objektif kajian.

Setelah pengkaji membuat rujukan rinci terhadap kajian lepas, pengkaji amat tertarik untuk menjalankan kajian peristilahan Covid-19. Hal ini demikian kerana Covid-19 merupakan satu fenomena semasa yang menjadi bualan hangat rakyat Malaysia. Berikutan itu, istilah-istilah baharu yang wujud semasa pandemik wajar dikaji dalam bentuk pendokumentasian ilmiah sebagai rujukan pada masa akan datang. Seterusnya, konteks kajian istilah Covid-19 ini adalah merujuk proses pembentukan kata istilah tersebut. Proses pembentukan kata menurut (Nurlin Triwahyuni, Imranuddin & Zahrida, 2018) merupakan salah satu aspek morfologi yang membincangkan proses pembentukan perkataan baharu dalam sesebuah bahasa. Tambahan lagi, proses pembentukan kata seharusnya dianalisis menggunakan peraturan dan sistem tertentu (O'Grady & Guzman, 1996). Justeru itu, pengkaji ingin menganalisis proses pembentukan istilah Covid-19 menggunakan Teori Pembentukan Kata yang diasaskan oleh George Yule pada tahun (2010).

Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin menganalisis dan melihat proses pembentukan kata yang paling dominan bagi istilah Covid-19 berdasarkan 11 proses pembentukan kata yang diasaskan oleh George Yule (2010). Proses tersebut adalah pemajmukan, campuran, penyingkatan, '*back-formation*', akronim, derivasi, penciptaan, pinjaman, penukaran, etimologi dan proses

pelbagai. Tuntasnya, kajian pembentukan istilah Covid-19 diharapkan dapat menambah pengetahuan pembaca terhadap cara istilah Covid-19 dibentuk berserta maknanya.

PERNYATAAN MASALAH

Saban hari, banyak istilah baharu dicipta dan dikeluarkan oleh pihak berautoriti seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, badan berkanun kerajaan dan organisasi swasta. Istilah ini wujud dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, sukan, teknologi maklumat, linguistik dan sebagainya (Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri, 2020). Justeru itu, pengkaji-pengkaji terdahulu mengambil langkah mengupas istilah dalam pelbagai bidang ini dengan rinci. Antaranya, kajian istilah kejuruteraan melihatkan kepada aspek sosioterminologi oleh Junaini Kasdan et.al (2017), tahap pemahaman istilah teknologi maklumat oleh Harishon Radzi & Nurul Husna Abdul Halim, (2018) dan pembentukan istilah baharu dalam Bahasa Tamil oleh Margaret Sinnappan, (2014). Walau bagaimanapun, kajian terhadap istilah Covid-19 amat kurang dijalankan kerana kewujudan fenomena pandemik ini yang masih baru. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk melaksanakan kajian istilah Covid-19 ini atas dasar tuntutan kajian semasa di samping menambah ilmu baharu terhadap bidang istilah bahasa Melayu.

TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini menghuraikan kajian-kajian lepas berkaitan tentang proses pembentukan kata bagi istilah, penjenamaan, kata slanga dan perkataan baharu. Pengkaji telah meneliti banyak kajian lepas menggunakan enjin carian Google. Laman sesawang seperti Google Scholar, Academia dan Research Gate menjadi pilihan utama pengkaji mencari kajian-kajian lepas.

Proses Pembentukan Kata Istilah

Makalah ini ditulis oleh Nurlin Triwahyuni, Imranuddin dan Zahrída pada tahun 2018. Makalah yang bertajuk *Analisis Pembentukan Kata bagi Istilah Perubatan dalam Artikel The Jakarta Post* telah diterbitkan dalam *Journal of English and Teaching* di Jakarta, Indonesia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis pembentukan kata bagi istilah perubatan dalam artikel kesihatan *The Jakarta Post*. Seterusnya, bagi menghasilkan makalah ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif atau dengan kata lain analisis deskriptif terhadap data kajian yang dikumpul. Berikutan itu, pengkaji telah meneliti tujuh artikel daripada portal *The Jakarta Post* yang diterbitkan antara Jun hingga Disember 2016 bagi melihat istilah perubatan yang digunakan.

Kemudian, data kajian tersebut telah dianalisis pembentukan katanya menggunakan Teori Pembentukan Kata oleh George Yule (2010). Terdapat 10 pembentukan kata merujuk Teori Pembentukan Kata oleh George Yule (2010) yang dinyatakan dalam makalah ini. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan hanya enam proses pembentukan kata yang digunakan bagi membentuk istilah perubatan dalam artikel *The Jakarta Post*. Pembentukan kata tersebut adalah 55 data derivasi, 20 data pemajmukan, 16 data pinjaman, 11 data akronim, 2 data penyingkatan dan 1 data ‘*back-formation*’ manakala yang tidak digunakan seperti penciptaan, campuran, penukaran dan proses pelbagai. Dapat dilihat, proses derivasi merupakan proses yang paling kerap digunakan bagi membentuk istilah perubatan. Oleh itu, pengkaji berharap makalah yang dihasilkan dapat menambah ilmu dan pemahaman tentang sesebuah bahasa di samping kajian pembentukan kata bagi istilah akan dijalankan lebih meluas dalam bidang lain.

Proses Pembentukan Kata Penjenamaan

Artikel ini ditulis oleh Heny Handayani pada tahun 2013. Artikel yang bertajuk *Proses Pembentukan Kata dan Struktur Frasa Nama Aplikasi Android* telah diterbitkan dalam portal *Journal on English Language, Culture and Literature* di Jakarta, Indonesia. Objektif artikel ini adalah untuk menghuraikan dan menjelaskan proses pembentukan kata dan struktur frasa yang sering ditemukan dalam nama aplikasi *Android*. Seterusnya, bagi menghasilkan artikel ini pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif terhadap data kajian yang dikumpul. Berikutan itu, pengkaji telah meneliti 100 nama aplikasi *Android* bagi melihat proses pembentukan kata dan struktur frasa yang digunakan.

Kemudian, data kajian tersebut telah dianalisis pembentukan katanya menggunakan Teori Pembentukan Kata oleh George Yule (2006) dan Hatch & Brown (1995). Hasil kajian menunjukkan terdapat 39 kata pemajmukan, 21 kata proses pelbagai, 9 kata akronim dan inialisasi, 9 kata ‘*back-formation*’, 7 kata penukaran, 5 kata penyingkatan, 3 kata campuran, 3 kata pinjaman, 3 kata infkasi dan 1 kata dibentuk daripada proses derivasi. Proses pemajmukan menjadi proses yang dominan dalam membentuk nama aplikasi *Android*. Bagi struktur frasa pula, hasil kajian memaparkan 84 perkataan daripada frasa nama, 15 perkataan frasa kerja dan satu perkataan menggunakan frasa infinitif. Hal ini menunjukkan struktur frasa nama kerap digunakan dalam pembentukan nama aplikasi *Android*. Oleh itu, pengkaji berharap artikel yang dihasilkan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin menjalankan penyelidikan terhadap pembentukan kata dan struktur frasa khususnya.

Proses Pembentukan Kata Slanga

Kertas kajian ini ditulis oleh Yogi Afri Yendra pada tahun 2015. Kertas kajian yang bertajuk *Pembentukan Kata Slanga dalam Filem Freedom Writers* telah diterbitkan dalam portal *Jurnal Ilmiah Mahasiswa* di Sumatera Barat, Indonesia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui jenis-jenis proses pembentukan kata slanga yang terdapat dalam filem *Freedom Writers*. Seterusnya, bagi menghasilkan makalah ini pengkaji telah menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data kajian yang telah dipilih. Berikutan itu, pengkaji telah meneliti setiap baris kata slanga dalam skrip filem *Freedom Writers* bagi melihat proses pembentukan kata yang boleh diterapkan.

Kemudian, data kajian tersebut telah dianalisis pembentukan katanya menggunakan Teori Pembentukan Kata oleh George Yule (2006). Terdapat 10 pembentukan kata merujuk Teori Pembentukan Kata yang dinyatakan dalam kertas kajian ini. Sehubungan dengan itu, hasil kajian menunjukkan 40 kata slanga telah digunakan dalam skrip *Freedom Writers*. Tujuh proses pembentukan kata sahaja yang digunakan bagi membentuk kata slanga dalam filem tersebut. Pembentukan kata tersebut adalah 19 kata daripada proses penciptaan, 7 kata pemajmukan, 5 proses campuran, 4 proses penyingkatan, 1 proses akronim, 3 proses derivasi dan 1 proses pelbagai. Keseluruhannya, proses pembentukan kata slanga yang paling dominan dalam filem *Freedom Writers* adalah penciptaan. Oleh itu, pengkaji berharap kertas kajian ini dapat menjadi panduan kepada ahli akademik bagi mengkaji kata slanga dalam konteks lain di samping dapat menambah baik ilmu pembentukan kata pada masa akan datang.

Seterusnya, tesis ini ditulis oleh Dhita Novianti pada tahun 2017. Tesis yang bertajuk *Analisis Pembentukan Kata Slanga Bahasa Inggeris dalam Filem Deadpool* telah diterbitkan oleh Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah di Jakarta, Indonesia. Penulisan tesis ini bertujuan mengklasifikasikan jenis pembentukan kata serta menghuraikan proses pembentukan kata slanga yang digunakan dalam filem *Deadpool*. Seterusnya, bagi menghasilkan tesis ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini adalah berdasarkan data lisan dan berbentuk bukan per nomboran sebagai asas penganalisan data. Di samping itu, teknik pengumpulan dan penganalisan data yang diterapkan dalam kajian ini adalah kaedah pendokumentasian dan kepustakaan. Pengkaji telah menonton filem *Deadpool* sebanyak beberapa kali. Kemudian, meneliti skrip filem tersebut dan mencatat kata slanga yang dijumpai di dalam kad data.

Kata slanga tersebut telah dianalisis pembentukan katanya menggunakan Teori Pembentukan Kata oleh George Yule (2010). Pada bahagian hasil kajian, pengkaji berjaya menemukan 32 kata slanga yang terdapat dalam skrip filem *Deadpool*. Sehubungan itu, 10 pembentukan kata telah diberi penjelasan secara rinci merujuk kerangka teoritikal tesis ini. Namun begitu, hasil kajian

menunjukkan hanya lima proses pembentukan kata yang digunakan bagi membentuk kata slanga dalam filem Inggeris ini. Pembentukan kata tersebut adalah pemajmukan, campuran, penyingkatan, akronim serta proses pelbagai manakala yang tidak digunakan seperti penciptaan, pinjaman, penukaran, derivasi dan 'back-formation'. Proses pembentukan kata pemajmukan telah mendominasi bentuk kata slanga yang terdapat filem tersebut. Kesimpulannya, harapan pengkaji untuk melihat penyelidikan berkaitan tentang pembentukan kata slanga ini diperluas, terutamanya dalam lirik lagu dan juga perbualan harian kerana masyarakat kini cenderung mempraktikkan kata slanga.

Proses Pembentukan Kata Baharu

Artikel ini ditulis oleh Elisa Ratih dan Rosalin Ismayoeng Gusdian pada tahun 2018. Artikel yang bertajuk *Proses Pembentukan Perkataan Baharu Inggeris dalam Kamus Inggeris Oxford (OED) Dalam Talian* telah diterbitkan dalam *Journal of Culture, English Language Teaching, Literature & Linguistics*. Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti jenis pembentukan kata bagi perkataan Inggeris baharu dalam Kamus Inggeris *Oxford* (OED) Dalam Talian serta kekerapan penggunaannya. Tambahan lagi, bagi menghasilkan artikel ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif bagi menganalisis data kajian. Selain itu, kaedah persampelan rawak sistematik digunakan bagi mengumpulkan perkataan Inggeris baharu. Berikutan itu, pengkaji telah meneliti perkataan Inggeris baharu dalam Kamus Inggeris *Oxford* (OED) Dalam Talian daripada tahun 2012 hingga 2016. Setelah menggunakan kaedah pengumpulan data, sebanyak 514 perkataan Inggeris baharu ditemukan dalam kamus tersebut dan dijadikan sebagai data kajian.

Kemudian, perkataan Inggeris baharu tersebut telah dianalisis pembentukan katanya menggunakan proses pembentukan kata yang terdapat dalam Bahasa Inggeris. Terdapat 10 pembentukan kata yang dinyatakan dalam hasil kajian iaitu pengimbuhan, pinjaman, asal usul etimologi, pemajmukan, penyingkatan, akronim, campuran, pengeratan, 'back-formation' dan gabungan dua proses pembentukan kata. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan tiga proses pembentukan kata yang sering digunakan bagi membentuk perkataan Inggeris baharu dalam Kamus Inggeris *Oxford* (OED) Dalam Talian. Proses tersebut adalah 239 kata bagi proses pengimbuhan, 137 kata bagi proses pemajmukan dan 63 kata bagi proses campuran. Proses pembentukan kata yang digunakan selebihnya adalah kurang daripada 50 kata bagi setiap satu-satu proses. Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang dilakukan proses pembentukan kata yang paling produktif dalam membentuk perkataan Inggeris baharu adalah proses pengimbuhan.

METODOLOGI

Metodologi kajian merupakan salah satu tunjang dalam pembentukan sesebuah kajian yang jitu. Oleh hal yang demikian, pengkaji hanya memilih pendekatan secara kualitatif agar pelaksanaan kajian ini lebih berfokus. Pengkaji seterusnya mengaplikasikan kaedah analisis kandungan bagi memperoleh data kajian iaitu istilah-istilah berkaitan tentang Covid-19. Di samping itu, data sokongan seperti kajian-kajian lepas tentang isu, teori, proses pembentukan kata dan peristilahan turut diperolehi pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan.

Pengkaji telah memilih data kajian berbentuk 50 istilah Covid-19 daripada bidang perubatan dan kesihatan awam yang dirujuk menerusi pangkalan data korpus istilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Laman sesawang rasmi DBP <http://prpmv1.dbp.gov.my/> menjadi sumber utama bagi meneliti istilah yang berkaitan dengan Covid-19.

Seterusnya, pengkaji menganalisis data dengan menjelaskan proses pembentukan kata bagi istilah Covid-19 menggunakan Teori Pembentukan Kata, George Yule (2010). Di samping itu, penambahan huraian daripada proses pembentukan kata bahasa Melayu mengukuhkan lagi penerangan dapatan kerana data kajian sememangnya terdiri daripada bahasa sasaran, bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, pengkaji merujuk sumber utama seperti Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) buku Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et.al., 2015) dan buku Pedoman Umum Peristilahan Bahasa Melayu (2004). Oleh itu, lebih banyak penjelasan dan contoh yang diberikan dalam bab dapatan kajian.


Pada akhir penganalisan data ini, pengkaji merangkumkan jadual proses pembentukan kata istilah sasaran dalam bentuk carta pai. Data dalam bentuk carta pai, lebih mudah dihuraikan dengan melihat proses pembentukan kata yang paling kerap digunakan dalam istilah Covid-19.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Senarai proses pembentukan kata dan bilangan istilah

Bil.	Proses Pembentukan Kata	Jumlah Istilah
1	Akronim	3
2	Derivasi	4
3	Pemajmukan	32
4	Pinjaman	8
5	Proses pelbagai	3
	JUMLAH	50

Berikut adalah carta pai yang terhasil daripada Jadual 1 yang memaparkan peratusan penerapan proses pembentukan kata bagi istilah Covid-19.



Rajah 1: Peratusan proses pembentukan istilah

Rajah 1 memperlihatkan peratusan bagi proses pembentukan kata yang diterapkan dalam istilah Covid-19. Proses yang mendominasi pembentukan istilah Covid-19 adalah pemajmukan iaitu 64% dengan 32 istilah mengaplikasikan proses ini. Seterusnya, sebanyak 8 istilah menggunakan proses pinjaman dengan 16% diikuti proses derivasi 4 istilah dengan 8%. Akhir sekali, proses pelbagai dan akronim mencatatkan jumlah istilah yang sama dan paling kurang diterapkan dalam istilah Covid-19. Bilangan istilah adalah 3 dengan peratusannya 6% bagi kedua-dua proses. Tuntasnya, proses yang paling kerap digunakan bagi membentuk istilah Covid-19 ialah pemajmukan.

Kesimpulannya, penggunaan proses pemajmukan dalam pembentukan istilah baharu amat penting bagi memberikan gambaran penuh maksud konsep istilah tersebut. Dalam konteks Covid-19, pembaca dapat memahami dengan jelas penggunaan istilah pandemik dan mengaplikasikan tuntutan istilah Covid-19 seperti mengamalkan penjarakan fizikal, kawalan sendiri, menjalankan kuarantin, memakai pelitup muka dan lain-lain.

PENGANALISISAN DATA

PEMAJMIKAN

Perkataan ataupun istilah baharu yang terbentuk daripada penggabungan dua perkataan atau lebih adalah disebabkan pengaplikasian proses pemajmukan (Yule, 2010: 55). Perkataan baharu ini boleh terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif di samping mempunyai makna yang tersendiri. Dalam konteks bahasa Melayu, pemajmukan boleh berlaku dalam dua bentuk, pertama pemajmukan perkataan terpisah seperti buku tulis, jam tangan dan yang kedua pemajmukan perkataan bergabung seperti tanggungjawab, antarabangsa (Nik Safiah Karim *et.al.*, 2015).

Justeru itu, pengkaji menyenaraikan istilah Covid-19 yang menggunakan proses pembentukan pemajmukan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Istilah Covid-19 terapan proses pemajmukan

No. Data	Istilah Sumber (Bahasa Inggeris)	Istilah Sasaran (Bahasa Melayu)
D4	<i>Face shield</i>	Pelindung muka
D5	<i>Face mask</i>	Pelitup muka
D9	<i>Physical Distancing</i>	Penjarakan fizikal
D11	<i>Close contact</i>	Kontak rapat
D12	<i>Chain of infection</i>	Rantaian jangkitan
D13	<i>Contact tracing</i>	Pengesanan kontak
D14	<i>Discharge</i>	Izin keluar
D15	<i>Mass gathering</i>	Perhimpunan ramai
D16	<i>Hand sanitizer</i>	Pensanitasi tangan
D17	<i>Silent spreader</i>	Perebak senyap
D19	<i>Super spreader</i>	Perebak utama
D20	<i>Containment phase</i>	Fasa pembendungan
D21	<i>Fomite</i>	Benda tercemar
D22	<i>Self-regulation</i>	Kawalan sendiri
D23	<i>Sanitation tunnel</i>	Terowong sanitasi
D24	<i>Community transmission</i>	Penularan komuniti
D25	<i>Main cluster</i>	Kluster utama
D27	<i>Local transmission</i>	Penularan tempatan
D28	<i>Thermal scanner</i>	Pengimbas haba
D29	<i>Reusable mask</i>	Pelitup guna semula
D30	<i>Clinical assessment tools</i>	Alat penilaian klinikal

D31	<i>Clinical feature</i>	Ciri klinikal
D32	<i>Self-quarantine</i>	Kuarantin sendiri
D34	<i>Community spread</i>	Perebakan komuniti
D38	<i>Direct contact</i>	Kontak langsung
D40	<i>Health recovery</i>	Pemulihan kesihatan
D41	<i>High-risk exposure</i>	Dedahan risiko tinggi
D44	<i>Index case</i>	Kes pemula
D46	<i>Exponential spread</i>	Perebakan pesat
D47	<i>Droplet infection</i>	Jangkitan titisan
D48	<i>Presumptive case</i>	Kes andaian
D49	<i>Early warning</i>	Amaran awal

Merujuk jadual 2, pengkaji telah menemukan 32 istilah Covid-19 yang menerapkan proses pembentukan pemajmukan gagasan George Yule (2010). Proses pemajmukan bagi istilah Covid-19 dalam jadual di atas kesemuanya dieja terpisah. Bagi memudahkan penganalisan istilah Covid-19 ini, pengkaji telah membahagikan proses pemajmukan kepada beberapa pola. Pola 1 (peralatan), pola 2 (penamaan kelompok manusia), pola ketiga (situasi atau keadaan) dan pola keempat (proses dan langkah). Justeru itu, terdapat empat pola penciptaan kata majmuk dalam istilah Covid-19 yang dikelaskan oleh pengkaji.

Pola 1: Pemajmukan Peralatan

D4	(pelindung) + (muka) > pelindung muka
D5	(pelitup) + (muka) > pelitup muka
D16	(pensanitasi) + (tangan) > pensanitasi tangan
D23	(terowong) + (sanitasi) > terowong sanitasi
D28	(pengimbas) + (haba) > pengimbas haba
D29	(pelitup) + (guna) + (semula) > pelitup guna semula
D30	(alat) + (penilaian) + (klinikal) > alat penilaian klinikal

Pola 1 di atas menyenaraikan tujuh data yang menggunakan proses pemajmukan peralatan. Terdapat beberapa penggabungan golongan kata dalam pola pertama yang menjurus kepada penerapan proses pemajmukan bagi istilah Covid-19. Setiap perkataan dalam data di atas boleh berdiri sendiri di samping mempunyai maksud khusus. Namun begitu, dengan penggunaan proses pemajmukan dalam istilah dapat membentuk suatu makna baharu berdasarkan konsep istilah tersebut (Margaret Sinnappan, 2014).

Sebagai contoh, D4 istilah *pelindung muka* menggabungkan kata nama terbitan *pelindung* yang bermaksud alat atau benda yang melindungi (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) dengan *muka* yang bermaksud bahagian hadapan kepala (rambut hingga ke dagu) iaitu golongan kata nama. Penggabungan ini membentuk makna baharu iaitu suatu peralatan pelindungan muka yang digunakan oleh petugas kesihatan untuk mencegah penyebaran virus. Golongan kata yang digunakan dalam proses pemajmukan peralatan adalah seperti kata nama, kata kerja, kata nama terbitan dan kata adjektif. Tuntasnya, data-data di atas menggunakan proses pemajmukan dengan tujuan membentuk istilah bagi peralatan atau pemakaian khas berkisarkan Covid-19.

Pola 2: Pemajmukan Penamaan Kelompok Manusia

D11	(kontak) + (rapat) > kontak rapat
D15	(perhimpunan) + (ramai) > perhimpunan ramai
D17	(perebak) + (senyap) > perebak senyap
D19	(perebak) + (utama) > perebak utama
D25	(kluster) + (utama) > kluster utama
D38	(kontak) + (langsung) > kontak langsung
D44	(kes) + (pemula) > kes pemula

Pola 2 di atas turut menyenaraikan tujuh data yang menggunakan proses pemajmukan penamaan kelompok manusia. Sebagai contoh, D11 istilah *kontak rapat* menggabungkan kata nama *kontak* yang bermaksud kenalan yang boleh diminta pertolongan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) dengan *rapat* yang bermaksud keadaan hampir bertemu iaitu golongan kata adjektif. Penggabungan ini membentuk makna baharu iaitu individu yang berada pada jarak kurang dari 1-meter dengan individu yang telah dijangkiti virus dan terkena rembesan orang yang dijangkiti. Golongan kata yang digunakan dalam proses pemajmukan penamaan kelompok manusia adalah seperti kata nama, kata nama terbitan dan kata adjektif. Tuntasnya, data-data di atas menggunakan proses pemajmukan dengan tujuan membentuk nama kelompok manusia yang berkemungkinan bergejala akibat Covid-19.

Pola 3: Pemajmukan Situasi atau Keadaan

D9	(penjarakan) + (fizikal) > penjarakan fizikal
D12	(rantai) + (jangkitan) > rantai jangkitan
D14	(izin) + (keluar) > izin keluar
D21	(benda) + (tercemar) > benda tercemar

D22	(kawalan) + (kendiri) > kawalan kendiri
D24	(penularan) + (komuniti) > penularan komuniti
D27	(penularan) + (tempatan) > penularan tempatan
D31	(ciri) + (klinikal) > ciri klinikal
D32	(kuarantin) + (kendiri) > kuarantin kendiri
D34	(perebakan) + (komuniti) > perebakan komuniti
D40	(pemulihan) + (kesihatan) > pemulihan kesihatan
D41	(dedahan) + (risiko) + (tinggi) > dedahan risiko tinggi
D46	(perebakan) + (pesat) > perebakan pesat
D47	(jangkitan) + (titisan) > jangkitan titisan
D48	(kes) + (andaian) > kes andaian

Pola 3 di atas menyenaraikan 15 data yang menggunakan proses pemajmukan situasi atau keadaan. Contohnya, D9 istilah *penjarakan fizikal* menggabungkan kata nama terbitan *penjarakan* yang bermaksud keadaan menjarakkan sesuatu (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) dengan *fizikal* yang bermaksud bahagian keseluruhan badan iaitu golongan kata nama. Penggabungan ini membentuk makna baharu iaitu keadaan individu perlu menjarakkan fizikal 1 meter dengan individu lain. Golongan kata yang digunakan dalam proses pemajmukan situasi atau keadaan adalah seperti kata nama, kata kerja, kata nama terbitan dan kata adjektif. Tuntasnya, data-data di atas menggunakan proses pemajmukan dengan tujuan menggambarkan suatu perihal atau keadaan yang berkait rapat dengan pandemik Covid-19.

Pola 4: Pemajmukan Proses dan Langkah

D13	(pengesanan) + (kontak) > pengesanan kontak
D20	(fasa) + (pembendungan) > fasa pembendungan
D49	(amaran) + (awal) > amaran awal

Pola 4 di atas menyenaraikan 3 data yang menggunakan proses pemajmukan proses dan langkah. Sebagai contoh, D13 istilah *pengesanan kontak* menggabungkan kata nama terbitan *pengesanan* yang bermaksud perbuatan mengesan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) manakala *kontak* yang bermaksud kenalan yang boleh diminta pertolongan iaitu golongan kata nama. Penggabungan ini membentuk makna baharu iaitu proses mengenal pasti individu yang mempunyai hubungan rapat dengan individu lain yang telah mempunyai jangkitan. Golongan kata yang digunakan dalam proses pemajmukan proses dan langkah adalah seperti kata nama, kata nama terbitan dan kata adjektif. Tuntasnya,

data-data di atas menggunakan proses pemajmukan untuk menamakan proses yang dilakukan bagi mengesan jangkitan Covid-19.

Rumusannya, istilah Covid-19 yang dipilih kebanyakannya mengaplikasikan proses pemajmukan dengan menggabungkan dua perkataan. Hal ini demikian kerana berkemungkinan satu perkataan tidak cukup untuk menggambarkan keseluruhan makna. Justeru itu, penambahan perkataan lain menjadi sangat perlu bagi melengkapkan konsep yang hendak disampaikan kepada pembaca (Nurin Triwahyuni, Imranuddin & Zahrida, 2018).

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji telah meneliti proses pembentukan kata bagi setiap istilah Covid-19 menggunakan Teori Pembentukan Kata oleh George Yule (2010). Terdapat 11 pembentukan kata dalam teori ini. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menghuraikan lima proses yang diguna pakai secara aktif dalam membentuk istilah pandemik ini. Proses lain seperti penciptaan, penukaran, etimologi, *back-formation*, campuran dan penyingkatan tidak dapat diterapkan kerana istilah Covid-19 merupakan fakta yang telah dibentuk mengikut hukum tatabahasa sedia ada di samping memerlukan istilah penuh.

Seterusnya, proses pembentukan kata bahasa Melayu lebih kompleks kerana banyak peraturan yang perlu dituruti jika dilihat dalam buku Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et.al., 2015). Dalam konteks kajian ini, proses pembentukan kata bahasa Melayu telah melengkapkan kajian yang menggunakan teori barat. Hal ini demikian kerana, Teori Pembentukan Kata gagasan George Yule (2010) bersifat dasar kerana pembentukan kata bahasa Inggeris lebih mudah berbanding dengan bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan menepati setiap objektif yang dikemukakan pada awal kajian. Pengkaji berharap agar kajian pembentukan istilah Covid-19 ini dapat memberikan pemahaman tentang makna istilah Covid-19 khasnya dan cara pembentukan perkataan dalam bahasa Melayu. Dengan pemahaman ini, pembaca tidak akan sewenang-wenangnya memendekkan, menambah atau menggugurkan bahagian perkataan sesuka hati. Hal ini demikian kerana perubahan struktur perkataan boleh mengubah makna sesebuah perkataan. Akhir sekali, kajian istilah Covid-19 ini diharapkan menjadi titik tolak kepada kajian-kajian istilah baharu pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka. (1995). Akta A390.
- Amirah Ahmad, Norizah Audi & Azhar Ab Wahab. (2017). Peristilahan bahasa Melayu dalam akta kesalahan seksual terhadap kanak-kanak 2017 (AKTA 792). *Jurnal Bahasa*, 20(1), 151-172.
- Dhita Novianti. (2017). *Word formation analysis of English slang language on Deadpool movie*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda]. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Elisa Ratih & Rosalin Ismayoeng Gusdian. (2018). Word formation processes in English new words of Oxford English Dictionary (oed) online. *Journal of Culture, English Language Teaching*. 5(2), 24-35.
- Harishon Radzi & Nurul Husna Abdul Halim. (2018). Tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat dalam kalangan pelajar universiti: Analisis sosiokognitif. *Jurnal Linguistik*. 22(2), 37-53.
- Heny Handayani. (2013). The process of word formation and phrase structure of android application names. *Journal on English Language, Culture and Literature*. 2(1), 167-177.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa & Zuhaira Idrus. (2017). Ketidakselarasan istilah bahasa Melayu dalam korpus kejuruteraan dan S&T: Analisis sosioterminologi, *Jurnal Linguistik*. 21(1), 1-26.
- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri. (2020). Covid-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *Journal of Language Studies*. 20(3), 221-241.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 8(1), 3-16.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Margaret Sinnappan. (2014). *Kajian pembentukan istilah sains dan teknologi maklumat dalam Akhbar Harian bahasa Tamil*. [Disertasi Ijazah Sarjana] Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurlin Triwahyuni, Imranuddin & Zahrida. (2018). An analysis of word formation encountered in medical terms in the Jakarta post's articles. *Journal of English Education and Teaching*. 2(2), 93-102.

- Pedoman umum peristilahan bahasa Melayu*. (2004). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2020). *Coronavirus Disease 2019 (COVID-19): Situation Report-94*. Daripada <https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/situation-reports/20200423sitrep-94-COVID-19>
- Portal Rujukan Persuratan Melayu. (2020). Gerbang Maya Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpmv1.dbp.gov.my/>
- Yule, G. (2010). *The study of language* (4th ed.) Cambridge University Press.
- Zaliza Zubir & Mahfuzah Md Daud. (2014). Peristilahan dalam bidang saintifik. *Journal of Human Development and Communication*. 3(Special Issue), 93-113.